

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/21
Tarikh : 6 Mei 2021

Puan Nik Syafiqah Binti Nik Ibrahim
No. 7, Jalan SS20/22, 47400,
Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

LANTIKAN SEBAGAI PENYEMAK LAPORAN *REGULATORY IMPACT ANALYSIS* (RIA) FASA 1 DAN 2 TARIKH PROGRAM: 17 MEI – 17 NOVEMBER 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat atau puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Enam Ribu Sahaja (RM36,000.00)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepakaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program (***Rujuk Terms Of Reference (TOR)***)

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, pihak syarikat atau puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Pihak puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

- (c) syarikat atau puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat atau puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat atau puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau puan gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**;
- (h) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/pemilik/rakan kongsi/pengarah atau puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau puan digulungkan;
- (k) syarikat atau puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau puan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai tawaran; atau

- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Syarikat atau puan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Unit Perolehan dengan emel kepada Pn. Hajah Norliza Ahmad: norliza@mpc.gov.my atau Cik Jennifer Kavithambigai Panir Silvam: jennifer@mpc.gov.my dalam tempoh tujuh (7) hari.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



TERMA RUJUKAN (TOR)

PENYEMAK LAPORAN *REGULATORY IMPACT ANALYSIS* (RIA)

1. LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 – Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (*National Policy on the Development and Implementation of Regulations – NPDIR*) dan Teras 4: Membentuk Ekosistem yang Teguh di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Blueprint – MPB*), MPC telah diberikan mandat bagi memastikan peraturan yang dihasilkan adalah berkualiti dan seterusnya dapat mewujudkan persekitaran kawal selia yang baik serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Melalui *Good Regulatory Practice (GRP)*, antara inisiatif yang diperkenalkan adalah *Regulatory Impact Analysis (RIA)* yang perlu dikemukakan oleh kementerian dan agensi sebelum memperkenalkan peraturan baru atau membuat pindaan peraturan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan haruslah mengandungi elemen berikut:

- i. Menyemak laporan *Regulatory Impact Statement (RIS)* yang dikemukakan
- ii. Menyediakan ringkasan penilaian/semakan berdasarkan template yang disediakan oleh MPC
- iii. Menghadiri perbincangan bersama pihak berkepentingan bagi membincangkan berkenaan RIS yang disemak

3. OUTPUT

- i. Laporan RIS yang disemak
- ii. Laporan penilaian RIS (berdasarkan template yang disediakan oleh MPC) beserta maklum balas penambahbaikan

4. TEMPOH PENILAIAN

Penyemak laporan perlu menyediakan output dalam masa 10 hari waktu bekerja selepas dokumen RIS diberikan.

5. TEMPOH LANTIKAN

Lantikan berkuatkuasa Mel 2021 sehingga November 2021.

6. TERMA PEMBAYARAN

Bayaran penyemak laporan adalah sebanyak **RM150 per muka surat** seperti yang telah ditetapkan oleh garis panduan bayaran perkhidmatan MPC dan dihadkan sebanyak **12 muka surat** untuk setiap RIS.

Fasa	Perkara	Kadar per muka surat (RM)	Bilangan muka surat	Jumlah (RM)
1	RIS Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran Racun Makhluk Perosak Risiko Rendah 202x	150	12	1,800.00
	Cadangan Meminda Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984	150	12	1,800.00
2	RIS Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pengkompaunan Kesalahan) Baharu Di Bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012	150	12	1,800.00
	RIS Confinement Centre	150	12	1,800.00
3	RIS Movable Property Security Interest Bill 2021*	150	12	1,800.00
	RIS Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019*	150	12	1,800.00
4	RIS Perintah Makanan Haiwan (Tatacara Pengambilan dan Pengurusan Sampel Makanan Haiwan dan Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 201X*	150	12	1,800.00
	RIS Peraturan - Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002, Akta Perlindungan Pengguna 1999*	150	12	1,800.00
5	RIS Mandatory of MS CESMM to Civil Engineering Works for all Public and Private Projects*	150	12	1,800.00
	RIS Private Healthcare Facilities And Services (Private Hospitals And Other Private Healthcare Facilities) (Amendment) Order 20_*	150	12	1,800.00
6	RIS Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019*	150	12	1,800.00
	Kawalan Harga Ubat di Bawah Akta 723 untuk Meningkatkan	150	12	1,800.00

	Akses kepada Ubat-Ubatan di Malaysia*			
7	RIS The Proposed Human Organ And Tissue Transplantation Bill*	150	12	1,800.00
	Penyemak Laporan RIS Optometry Profession Bill*	150	12	1,800.00
8	RIS Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)*	150	12	1,800.00
	RIS Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] Pemberikuasaan*	150	12	1,800.00
9	RIS Lembaga Arkitek Malaysia Sebagai 'Stakeholder' FI Arkitek*	150	12	1,800.00
	RIS Strategic Trade (Compounding of Offences) Regulations 2018*	150	12	1,800.00
10	RIS Amendments of the Copyright Act 1987 (Act 332)*	150	12	1,800.00
	RIS Cadangan Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)*	150	12	1,800.00
	JUMLAH KESELURUHAN:			36,000.00

*Tertakluk kepada perubahan

7. HAK MILIK

Dokumen RIS adalah sulit dan tidak dibenarkan untuk disebarikan kepada pihak luar.

-----TAMAT-----